

**Panduan Temu Bual Untuk Penyelidikan Pembangunan Sosial Melalui Program
Pembasmian Kemiskinan: Kajian Perbandingan Antara Kes Di Melaka, Malaysia
Dan Kes Di Riau, Indonesia**

A. Tinjauan di Malaysia

1. Apakah bentuk dasar sosial yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia ketika ini dan ke manakah hala tuju dasar sosial di Malaysia??
2. Apakah pendorong kepada pemilikan dasar sosial tersebut? Adakah ia struktur ekonomi atau struktur sosial?
3. Bagaimana pelaksanaan dasar sosial ini dalam bentuk falsafah dan operasi boleh memberi impak ketara ke atas kelompok sasar?
4. Sejauh mana pengaruh dalam pembentukan dasar sosial mempengaruhi negara dari segi ekonomi, politik atau perundangan?
5. Selepas beberapa tahun melaksanakan dasar sosial, tidak nampak perubahan yang ketara khususnya kelompok sasar, bagaimana tuan melihat pelaksanaan dasar ini di Malaysia?
6. Bagaimana kerajaan boleh menambah baik pelaksanaan dasar sosial ini?
7. Apakah kaedah terbaik untuk membuat perbandingan dasar sosial untuk dua buah negara berbeza? Adakah ia berkaitan dengan penerangan dasar sosial, penilaian pelaksanaan dasar sosial atau teori-teori yang diguna pakai?
8. Apakah langkah untuk memastikan pelaksanaan dasar sosial yang lebih baik di Malaysia?
9. Pembasmian kemiskinan adalah salah satu strategi penting bagi kejayaan dasar sosial, bagaimana strategi ini dapat menjayakan dasar sosial?

B. Tinjauan di Indonesia

1. Boleh diterangkan sejarah Sistem Jaminan Sosial Nasional (SJSN) dari dulu sehingga kini dari segi proses pembentukan, operasi dan penerimaan dasar ini dalam kalangan masyarakat Indonesia.
2. Apakah objektif SJSN dirangka dan siapakah yang terlibat dalam membentuk objektif ini?
3. Apakah faktor-faktor yang mendorong kepada pembentukan SJSN?
4. Apakah kejayaan besar dalam SJSN dan bagaimanakah pencapaian SJSN sejak mula dilaksanakan sehingga kini telah mempengaruhi kesejahteraan komuniti?
5. Dalam melaksana operasi SJSN, apakah badan induk yang memantau pelaksanaan ini? Bagaimana badan induk dan agensi-agensi pelaksana di peringkat provinsi dan daerah melaksanakan peranan masing-masing yang boleh menunjukkan kehadiran mereka dalam komuniti di seluruh negara?
6. Selepas SJSN dilaksanakan, apakah implikasi kepada dasar-dasar sedia ada dan bagaimana agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti memberi reaksi kepada pencapaian SJSN ini?
7. Apakah impak utama SJSN kepada komuniti khususnya kumpulan sasaran?
8. Sejauh mana penglibatan kumpulan sasaran dalam program-program yang dijalankan?
9. Apakah yang membantu menjayakan penglibatan komuniti dalam program-program yang dianjurkan itu?
10. Apakah kelemahan yang dikenal pasti pada setiap peringkat dan tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi kelemahan tersebut?
11. SJSN dilihat kurang diberi perhatian oleh banyak agensi kerajaan dan komuniti, jadi apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku?
12. Apakah tindakan kerajaan khususnya agensi pelaksana bagi memastikan agenda dan hasrat SJSN ini dapat memberi impak dalam pembangunan komuniti di Indonesia?